

# Jangan khianati kemakmuran negara

BEBERAPA peristiwa perhimpunan haram yang berlaku di negara ini boleh sahaja menggugat ketenteraman dan perpaduan negara. Setelah 50 tahun negara mencapai kemerdekaan, sewajarnya perpaduan telah menjadi agenda utama di dalam masyarakat berbilang bangsa, agama dan budaya di Malaysia.

Perhimpunan haram seperti tragedi berdarah di Batu Burok dan perhimpunan Hindu Rights Action Force (Hindraf) contohnya boleh sahaja memberi kesan psikologi yang berunsurkan kebimbangan dan ketakutan kepada rakyat.

Selain itu, kesan perhimpunan haram ini mampu mencetuskan kekecohan yang boleh menjejaskan ketenteraman awam. Perarakan yang besar boleh menimbulkan kesesakan lalu lintas yang teruk di samping menjejaskan perniagaan di sekitar tempat perhimpunan jika ia tidak dapat dikawal. Imej baik negara juga akan tercemar dan seterusnya memberi kesan

kepada ekonomi negara.

Apa yang amat menakutkan ialah akan terdapat pihak-pihak dan anasir-anasir yang tidak diingini dan tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan untuk mencetuskan lagi provokasi bagi mewujudkan suasana tidak terkawal sehingga akhirnya menjadikan negara tidak aman.

Selama ini, kemerdekaan yang telah negara peroleh membuktikan bahawa perpaduan antara kaum bukanlah suatu perkara yang mustahil. Perpaduan sebagai batu asas dan tonggak kemerdekaan Malaysia dengan menjadikan perbezaan budaya, warna kulit, agama dan adat resam sebagai keunikan bangsa Malaysia yang boleh kita banggakan sehingga hari ini.

Perpaduan kaum yang berterusan sehingga hari ini amat menjelaskan hubungan baik yang telah terbina antara pelbagai bangsa di Malaysia sejak sekian lama. Semangat akomodatif dan sikap

hormat-menghormati yang telah diwarisi oleh setiap budaya dan agama telah menjadi asas dan kekuatan kepada perpaduan ini.

Perpaduan perlu terus menjadi matlamat pembangunan negara supaya Malaysia dapat mengekalkan keamanan serta mempunyai bangsa yang maju dan berjaya. Ia dapat direalisasikan melalui usaha rakyat terus memelihara perpaduan antara kaum. Perpaduan kaum berlaku apabila rakyat pelbagai kumpulan etnik, agama dan wilayah, hidup aman damai sebagai satu bangsa yang bersatu dengan memberi komitmen yang penuh kepada identiti kebangsaan berlandaskan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun-Negara.

Tanpa perpaduan, amat sukar untuk memelihara keamanan. Lihat sahaja bagaimana sebuah bangsa atau negara yang tandus perpaduan dijajah dan diperlakukan dengan kejamnya oleh bang-

sa asing, malah hidup melarat dan merempat di tempat sendiri.

Seharusnya kita menjadikan fenomena ini sebagai suatu pengajaran supaya rakyat negara kita tidak terjebak dalam usaha-usaha untuk menggugat keamanan. Sewajarnya, warga Malaysia akan terus mempertahankan semangat perpaduan dan nilai-nilai murni yang tinggi dalam kehidupan masyarakat yang tidak memandang rupa, warna kulit atau perbezaan budaya.

Semangat perpaduan ini dipupuk semenjak kecil lagi supaya mereka lebih memahami dan menghargai makna sebuah kasih sayang dan kehidupan yang aman damai. Dan ia perlu ada di dalam jiwa setiap warga Malaysia tanpa mengira rupa, warna kulit atau perbezaan budaya.

**- DR. SAPORA SIPON**  
**Universiti Sains Islam**  
**Malaysia.**